

16/05/2003

Awasi pihak cuba lagakan kepemimpinan belia negara

Ikmal Hisham Abdul Aziz

HAMPIR 45 peratus atau 10 juta daripada 22 juta penduduk negara ini adalah belia berusia di antara 15 hingga 40 tahun. Daripada jumlah itu, beberapa tokoh muda diiktiraf sebagai pemimpin, sama ada sebagai pemimpin kerajaan, parti politik, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan belia atau syarikat korporat.

Paling membanggakan, dua pemimpin yang mewakili generasi muda negara, Datuk Hishammuddin Hussein dan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, diberi kepercayaan menzahirkan idealisme perjuangan belia di negara ini.

Hishammuddin, yang dilantik Menteri Belia dan Sukan, juga diberi kepercayaan oleh ahli Pemuda Umno untuk menerajui pergerakan itu. Manakala Dr Mohamad Khir, seorang pengamal perubatan profesional, yang ingin berbakti kepada rakyat, aktif dalam Pergerakan Pemuda dan Pertubuhan Belia 4B.

Daya kepemimpinan Dr Mohamad Khir yang terserlah melonjakkan perjuangannya daripada seorang wakil rakyat kawasan Tanjung Karang, Selangor kepada Exco Pemuda. Dengan kepercayaan tinggi pucuk pimpinan parti terhadap hala tuju perjuangannya, beliau dilantik sebagai Menteri Besar Selangor pada 2000 untuk menyuntik idealisme golongan muda dalam arus perdana parti dan kerajaan.

Sebaik Hishammuddin dan Dr Mohamad Khir mendapat mandat, mereka bekerja keras dan beriltizam tinggi untuk membuktikan bahawa pemimpin muda bukan sekadar hebat berpidato atau retorik semata-mata.

Hishammuddin menyuntik semangat baru ke dalam Kementerian Belia dan Sukan (KBS), sehingga membolehkan Malaysia berjaya menganjurkan sukan berprestij dan melahirkan ahli sukan cemerlang bertaraf dunia. Di atas platform politik pula, beliau memimpin Pemuda ke satu tanda aras yang boleh dibanggakan melalui pendekatan 'politik nilai dan makna'. Rakyat Malaysia tentu masih ingat peranan yang dimainkan Pemuda Umno sehingga berjaya meyakinkan pertubuhan Suqiu menggugurkan tuntutan yang hampir mencetuskan ketegangan di antara kaum.

Prestasi Dr Mohamad Khir selaku Menteri Besar paling muda pula, membuka mata banyak pihak. Rakyat Selangor mengakui karisma kepemimpinan dan agenda perjuangannya. Beliau dilihat sebagai pemimpin berpandangan jauh, mempunyai nilai kepemimpinan tinggi, dan idea bernas. Dengan konsep pembangunan seimbang, Dr Mohamad Khir turut memberikan penekanan terhadap pembangunan insan, terutama membabitkan generasi muda.

Model kepemimpinan beliau juga menjurus ke arah mewujudkan suasana kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dan pada masa sama menyemarakkan budaya syumul untuk perkembangan sosial masyarakat.

Di samping kesibukan menjalani urusan rasmi, beliau juga acap kali mengetuai 'Ops Kelawar' yang bertujuan menghapuskan unsur tidak bermoral terutama kegiatan maksiat di Selangor. Dinilai dari sudut kemampuannya menterjemahkan aspirasi dan perjuangan golongan muda, beliau dipilih untuk memimpin Majlis Belia Malaysia (MBM) yang menjadi payung kepada 39 badan gabungannya.

Selaku Presiden MBM, beliau menggariskan keutuhan perpaduan nasional sebagai agenda utama, seiring dengan hasrat yang sering diucapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KBS dan MBM sangat berpengaruh sebagai wadah perjuangan belia dalam menyuarakan pandangan dan seterusnya menzahirkan harapan suara orang muda di negara ini. Namun begitu, perkembangan mutakhir membabitkan kedua

pemimpin KBS dan MBM ini, mencetuskan kebimbangan ramai pihak.

Selaku Exco Pemuda Umno dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanah Merah, Kelantan, saya secara peribadi berpendapat perdebatan secara terbuka di media mengenai kedua-dua pemimpin muda ini, hanya mengundang polemik yang merugikan golongan belia.

Kenyataan demi kenyataan dalam media yang bertujuan mempertahankan salah seorang pemimpin ini, adalah 'kemenangan' kepada pihak tertentu yang mempunyai agenda peribadi untuk melaga-lagakan mereka.

Sebelum ini, pelbagai teori, fitnah dan adu-domba yang cuba dibawa oleh golongan ini untuk melebarkan jurang hubungan Hishammuddin-Dr Mohamad Khir, berjaya ditangani secara matang oleh kedua-dua pemimpin ini. Namun, kenyataan dari 'sumber rasmi' kedua-dua pihak sejak akhir-akhir ini, memberi gambaran seolah-olah umpan yang dipasang oleh pihak tidak bertanggungjawab itu, sudah mengena.

Bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada Hishammuddin dan Dr Mohamad Khir kerana tidak mudah melatah atau terperangkap dengan situasi yang cuba ditimbulkan sesetengah pihak.

Kedua-dua pemimpin bersetuju, sekarang bukan masanya untuk menuding jari menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya semua pihak perlu kembali ke landasan sebenar perjuangan belia.

Sementara KBS diiktiraf sebagai medium rasmi generasi muda, sumbangan MBM dalam pembentukan dan pembangunan golongan muda tidak dinafikan. Kedua-dua entiti ini dianggap sebagai 'rakan kongsi pembangunan' yang bekerjasama dalam satu pakatan strategik dengan matlamat sama, iaitu memartabatkan serta memperjuangkan visi dan misi orang muda.

Perkembangan ini tentu meresahkan golongan yang mahu mencetuskan pergeseran dan perbalahan di antara kedua-duanya. Lalu, dikhuatiri mereka akan berusaha memecah-belahkan penyokong kedua-dua pihak dengan menjaja cerita kononnya ada usaha untuk menjatuhkan pemimpin tertentu dan sebaliknya.

Situasi ini, akhirnya akan menaikkan suhu politik belia yang menimbulkan suasana tidak sihat dalam agenda pembangunan golongan muda. Natiujahnya, golongan muda di negara ini akan menjadi lemah kerana setiap daripada kita akan dilabel oleh pihak tidak bertanggungjawab sebagai penyokong pemimpin A atau B. Pemimpin belia akan diletak dalam keadaan serba salah kerana kedua-dua tokoh ini mewakili suara dan aspirasi golongan muda.

Justeru, jangan biarkan kecenderungan melabel individu tertentu sebagai 'orang Hisham' atau 'orang Dr Mohamad Khir' terus berleluasa. Golongan muda perlu menjadi pejuang gerakan belia, penyokong setia kepada kepemimpinan dan aspirasi kerajaan serta menginsafi falsafah perjuangan parti Umno.

Golongan belia tidak perlu fanatik menyuburkan semangat assabiyyah dan sentimen kumpulan, sehingga menggadaikan perjuangan sebenar orang muda. Jangan juga takut dengan bayang-bayang sendiri sehingga melihat rakan sendiri sebagai musuh berpotensi yang perlu dijauhi.

Kita perlu memberi sokongan kepada pemimpin muda yang kini mendapat tempat dalam arus kepemimpinan negara. Malah, kita perlu meramaikan lagi bilangan ini dalam arus perdana, bukannya mencantas di antara satu sama lain. Insafilah bahawa wakil golongan muda dalam kepemimpinan utama tidak ramai, sehingga kita terlalu taksud dengan agenda peribadi.

Seperti dikatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena Konvensyen Belia Kebangsaan, kelmarin, golongan belia perlu dibekalkan dengan kemahiran untuk menjadi pemimpin yang fokus, bermotivasi dan tahu mengendalikan penyokong masing-masing. Malah, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan sempena ulang tahun penubuhan Umno ke-57 pada 11 Mei lalu, turut mengulangi harapannya supaya pemimpin pelapis mempersiapkan diri untuk mengambil alih kepemimpinan parti dan

negara.

Kita semua adalah generasi masa depan negara. Generasi muda menjadi pelari terakhir menuju Wawasan 2020 dan bertanggungjawab memastikan wawasan itu menjadi kenyataan.

IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ,

Exco Pemuda Umno.